

ANUGERAH SUKAN KALI KE-43
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
SIDANG AKADEMIK 2023/2024

1.0 MAKLUMAT AM

- 1.1 Kuasa menganugerahkan seseorang pelajar untuk menerima anugerah sukan terletak pada Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah diperturunkan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni).
- 1.2 Satu Jawatankuasa Anugerah Sukan USM dengan persetujuan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (HEPA) USM akan dilantik pada setiap sidang akademik.
- 1.3 Jawatankuasa ini akan memilih dan memperakukan calon-calon yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam arena sukan sepanjang pengajian mereka di USM.
- 1.4 Jawatankuasa ini juga akan memilih seorang Olahragawan dan seorang Olahragawati USM yang layak bagi Sidang Akademik berkenaan. Pencalonan untuk hadiah ini adalah terbuka kepada semua ahli sukan USM, tidak kira tahun pengajiannya.
- 1.5 Jawatankuasa ini juga akan memilih Pasukan Terbaik Lelaki dan Pasukan Terbaik Wanita dalam kalangan pasukan-pasukan USM yang telah menunjukkan prestasi cemerlang bagi Sidang Akademik berkenaan.
- 1.6 Pencalonan:
 - 1.6.1 Pencalonan Anugerah Warna adalah untuk **Pelajar-Pelajar Sidang Akhir dan Rancangan Ijazah Tinggi Sahaja**. Setiap pencalonan bagi kategori Anugerah Warna mesti mempunyai seorang pencadang dan seorang penyokong yang terdiri daripada Ketua Pasukan/Penasihat Permainan/Jurulatih Pasukan/Pegawai Sukan.
 - 1.6.2 Pencalonan untuk Olahragawan dan Olahragawati **wajib** melalui pasukan universiti/bahagian sukan berkenaan dengan Ketua Pasukan/Penasihat Permainan/ Penyelaras/ Pengurus Pasukan/ Jurulatih Pasukan/Pegawai Sukan atau Ahli-Ahli Jawatankuasa (Contoh: Setiausaha dan sebagainya) sebagai pencadang dan penyokong.
 - 1.6.3 Pencalonan untuk Anugerah Pasukan Terbaik mesti dikemukakan oleh Ketua Pasukan bahagian sukan berkenaan dengan sokongan dan pengesahan Ketua Pasukan/Penasihat Permainan/ Penyelaras/ Pengurus Pasukan/ Jurulatih Pasukan/Pegawai Sukan.
 - 1.6.4 Pencalonan hanya diterima daripada pasukan universiti yang berada di bawah naungan Pusat Sukan & Rekreasi USM atau aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam kalender Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM)/peringkat kebangsaan/antarabangsa.

- 1.6.5 Sebarang pencalonan lain boleh dipertimbangkan mengikut merit masing-masing.
- 1.6.6 Pencalonan adalah berdasarkan aktiviti-aktiviti sukan yang dijalankan **dari 24 Mei 2023 sehingga 22 Mei 2024**
- 1.7 Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan Majlis Anugerah Sukan USM adalah terdiri daripada anggota berikut:
- Pengerusi : Seorang staf yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni).
- Ahli-Ahli :
 - i) Tujuh (7) orang daripada golongan kakitangan universiti yang bergiat dalam kegiatan sukan yang akan dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) USM. Perlantikan tersebut hanya akan berkuatkuasa dari sidang ke sidang.
 - ii) Tiga (3) orang wakil pelajar yang terdiri daripada:-
 - a) Wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USM.
 - b) Seorang pelajar lelaki yang bergiat cergas dalam bidang sukan.
 - c) Seorang pelajar wanita yang bergiat cergas dalam bidang sukan.
 - iii) Pengarah Pusat Sukan & Rekreasi USM
 - iv) Setiausaha: Seorang Pegawai Pusat Sukan & Rekreasi USM yang dilantik oleh Pengarah Pusat Sukan & Rekreasi USM.
- 1.7.1 Jawatankuasa Pemilihan Majlis Anugerah Sukan USM boleh menjemput dari semasa ke semasa individu lain yang difikirkan perlu daripada warga USM bagi membantu dalam penganugerahan sukan.

2.0 ANUGERAH WARNA

Tiga (3) jenis anugerah akan dihadiahkan seperti berikut:-

2.1 Anugerah Warna Ungu Universiti (*University Purple*)

Ini merupakan anugerah tertinggi yang diberikan kepada atlet-atlet sukan USM (sidang akhir dan Rancangan Ijazah Tinggi) yang telah mencapai prestasi cemerlang. Mereka yang layak dipertimbangkan perlu memenuhi semua syarat berikut:

2.1.1 Tempoh

Pelajar Program Pengajian Empat (4) / Lima (5) Sidang

Mewakili pasukan pertama USM dalam permainannya sekurang-kurangnya tiga (3) sidang termasuk dua (2) sidang terakhir.

Pelajar Program Pengajian Tiga (3) Sidang / Tiga setengah (3 ½) Sidang / Rancangan Ijazah Tinggi

Mewakili pasukan pertama USM dalam permainannya sekurang-kurangnya dua (2) sidang termasuk sidang terakhir.

2.1.2 Mewakili pasukan **senior kebangsaan/negara**.

2.1.3 Mempunyai rekod yang bersih tanpa sebarang tindakan tataterib atau tindakan disiplin terhadapnya.

2.2 Anugerah Warna Penuh (*Full Colour*)

Anugerah ini diberikan kepada atlet USM sidang akhir dan Rancangan Ijazah Tinggi yang memenuhi semua syarat berikut:

2.2.1 Tempoh

Untuk Pelajar Program Pengajian Empat (4) / Lima (5) Sidang

Mewakili pasukan pertama USM dalam permainannya sekurang-kurangnya tiga (3) sidang.

Untuk Pelajar Program Pengajian (3) Sidang / Tiga (3) setengah (3 ½) Sidang / Rancangan Ijazah Tinggi

Mewakili pasukan pertama USM dalam permainannya sekurang-kurangnya dua (2) sidang bagi program Ijazah Doktor Falsafah serta sekurang-kurangnya satu (1) sidang bagi program Ijazah Sarjana.

2.2.2 Pencapaian

- (a) Mewakili **pasukan senior negeri**.

ATAU

- (b) Mewakili pasukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

ATAU

- (c) Mewakili **pasukan pertama USM** dalam permainannya selama empat (4) sidang berturut-turut (Program Empat (4) / Lima (5) sidang) dan selama tiga (3) sidang berturut-turut (Program Tiga (3) Sidang / Rancangan Ijazah Tinggi).

DAN

- (d) Mencapai sekurang-kurangnya pingat **tempat ketiga** dalam pertandingan sukan yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Pemilihan Majlis Anugerah Sukan.

- 2.2.3 Mempunyai rekod yang bersih daripada tindakan tatatertib atau tindakan disiplin.

2.3 Anugerah Separuh Warna (*Half Colour*)

Anugerah ini diberikan kepada atlet USM sidang akhir dan Rancangan Ijazah Tinggi yang memenuhi semua syarat berikut

2.3.1 Tempoh

Pelajar Program Pengajian Empat (4) / Lima (5) Sidang

Mewakili pasukan pertama USM dalam permainannya sekurang-kurangnya selama tiga (3) sidang.

Pelajar Program Pengajian Tiga (3) Sidang / Tiga setengah (3½) Sidang / Rancangan Ijazah Tinggi

Mewakili pasukan pertama USM dalam permainannya sekurang-kurangnya selama dua (2) Sidang bagi program Ijazah Doktor Falsafah serta sekurang-kurangnya satu (1) semester bagi program Ijazah Sarjana.

- 2.3.2 Mempunyai rekod yang bersih daripada tindakan tatatertib atau tindakan disiplin.

Atlet hanya layak menerima **Anugerah Warna sekali sahaja bagi sesuatu permainan**. Walau bagaimanapun atlet hanya layak menerima Anugerah Warna peringkat yang lebih tinggi bagi permainan yang sama jika mereka menyambung pengajian sebagai pelajar berdaftar sepenuh masa.

3.0 ANUGERAH KHAS

3.1. Anugerah Program Pautan

- 3.1.1 Anugerah ini terhad kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program pertukaran.
- 3.1.2 Mewakili pasukan pertama USM dalam permainannya sekurang-kurangnya satu (1) semester
- 3.1.3 Cemerlang di peringkat MASUM/negeri/negara (sekurang-kurangnya mendapat tempat ketiga)
- 3.1.4 Mempunyai rekod yang bersih daripada tindakan tatatertib atau tindakan disiplin.

3.2 E-Sports

- 3.2.1 Mewakili pasukan USM dalam permainannya sekurang-kurangnya satu (1) semester
- 3.2.2 Cemerlang di peringkat negeri/negara (sekurang-kurangnya mendapat tempat ketiga).
- 3.2.3 Pertandingan perlulah diiktiraf oleh Kementerian Belia dan Sukan atau Malaysia e-Sports Federation (MESF)
- 3.2.4 Mempunyai rekod yang bersih daripada tindakan tatatertib atau tindakan disiplin.

4.0 OLAHRAGAWAN DAN OLAHRAGAWATI USM

- 4.1 Hanya seorang atlet lelaki dan seorang atlet wanita layak diisytharkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati USM bagi Sidang Akademik yang berkenaan.
- 4.2 Calon untuk anugerah ini terbuka kepada semua atlet universiti yang cemerlang dalam acara sukan, tidak kira tahun pengajiannya dan mempunyai rekod yang bersih daripada apa-apa tindakan tatatertib atau tindakan disiplin.
- 4.3 Setiap bahagian sukan/permainan padang dan gelanggang boleh mencalonkan seorang sahaja yang difikirkan terbaik yang telah mencapai sekurang-kurangnya **Naib Johan** dalam pertandingan-pertandingan yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Anugerah Sukan.
- 4.4 Pemain pasukan universiti yang telah dicalonkan untuk sebarang penganugerahan warna juga layak dicalonkan bagi hadiah ini dalam sidang akademik yang sama.

**5.0 PASUKAN TERBAIK LELAKI DAN PASUKAN TERBAIK WANITA
(KATEGORI 6 ORANG ATAU KURANG / KATEGORI 7 ORANG ATAU LEBIH)**

5.1 Pasukan-pasukan Sukan, USM yang menyertai dan mencapai kecemerlangan pada sidang akademik berkenaan, dalam mana-mana pertandingan anjuran seperti berikut layak untuk memohon:-

- A. MASUM
- B. Badan-badan Sukan Negara
- C. Badan-badan Sukan Negeri
- D. Ahli-ahli gabungan MASUM/Negeri
- E. Badan-badan Sukan lain yang diiktiraf oleh USM.

5.2 Prestasi pasukan telah mencapai sekurang-kurangnya kedudukan **Naib Johan** dalam Pertandingan Sukan MASUM dan setaraf (cth: liga IPT/kejohanan anjuran IPT dengan kerjasama MASUM/KPM)

5.3 Mempunyai rekod bersih daripada tindakan tatatertib atau tindakan disiplin.

6.0 ANUGERAH BINTANG HARAPAN LELAKI/WANITA

Pelajar yang layak dipertimbangkan adalah:-

- A. Pelajar sepenuh masa **sidang ke-2**.
- B. Pencapaian sepanjang **sidang pertama** akan dinilai dari segi:-
 - Mewakili USM dalam sukan MASUM/setara dan mendapat pingat
ATAU
 - Mewakili Negeri di peringkat kebangsaan
ATAU
 - Mewakili MASUM di peringkat antarabangsa (FISU/AUSF/AUSC)
ATAU
 - Mewakili Negara di peringkat antarabangsa

7.0 ANUGERAH KHAS PKU

Pelajar yang layak dipertimbangkan adalah:-

- A. Pelajar yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat/ Pelajar yang diiktiraf (PKU) dan **pelajar tahun akhir sahaja**.
- B. Penglibatan adalah:-
 - Mewakili USM dalam sukan MASUM/setara
ATAU
 - Mewakili Negeri di peringkat kebangsaan
ATAU
 - Mewakili MASUM di peringkat antarabangsa (FISU/AUSF/AUSC)

8.0 BORANG PENCALONAN

8.1 Semua pencalonan, hendaklah dibuat dengan mengisi borang pencalonan yang disediakan oleh Pusat Sukan & Rekreasi USM.

- | | | |
|---------------------------|---|--|
| A. Borang Sukan/ANUG. (1) | - | Anugerah Warna |
| B. Borang Sukan/ANUG. (2) | - | Anugerah Khas |
| C. Borang Sukan/ANUG. (3) | - | Anugerah Olahragawan/Olahragawati |
| D. Borang Sukan/ANUG. (4) | - | Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki/Wanita |
| E. Borang Sukan/ANUG. (5) | - | Anugerah Bintang Harapan Lelaki/Wanita |
| F. Borang Sukan/ANUG. (6) | - | Anugerah Khas PKU |

9.0 SURAT PERAKUAN

9.1 Surat perakuan daripada Persatuan Negeri/Kebangsaan wajib disertakan sebagai bukti perwakilan dalam pasukan Negeri/Kebangsaan.

10.0 KEPUTUSAN

- 10.1 Setiap anugerah di atas tidak semestinya dianugerahkan jika tidak ada calon/pasukan yang layak.
 - 10.2 Jawatankuasa penganugerahan berhak menimbangkan kes-kes khas bagi atlet sukan yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas dengan sepenuhnya, jika perlu.
 - 10.3 Jawatankuasa Pemilihan Majlis Anugerah Sukan USM berhak mewujudkan anugerah lain jika perlu.
- 10.4 Keputusan Jawatankuasa Pemilihan Majlis Anugerah Sukan USM Ke- 43 adalah muktamad.**